

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(IX)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB. GOOI ZI SEN**

10. Permohonan Lesen Pendudukan Sementara (LPS)
- (a) Sila nyatakan jumlah permohonan LPS yang dikemukakan dari KADUN Pengkalan Kota sejak 2008.
 - (b) Sila nyatakan jumlah permohonan LPS yang diluluskan dari KADUN Pengkalan Kota sejak 2008.
 - (c) Apakah ciri atau kriteria yang dipertimbangkan untuk kelulusan permohonan LPS?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

10. Bagi (a) & (b) Permohonan dan kelulusan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) di KADUN Pengkalan Kota dari tahun 2008 sehingga 2018 adalah seperti berikut :-

Tahun	Jumlah Permohonan	Jumlah Kelulusan
2008	5	5
2009	21	14
2010	19	10
2011	33	15

Tahun	Jumlah Permohonan	Jumlah Kelulusan
2012	19	18
2013	34	14
2014	27	14
2015	31	24
2016	25	15
2017	29	24
2018	48	6

- (c) Permohonan LPS diproses mengikut Seksyen 65 sehingga Seksyen 68A Kanun Tanah Negara 1965. Syarat-syarat kelulusan adalah seperti di **Lampiran A**. Kesemua keputusan permohonan LPS adalah tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri.